

## **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengukur tahap kepuasan kerja serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan kerja anggota tentera daripada Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) 3 Divisyen. Pembolehubah-pembolehubah bebas ini dikaji samada ianya mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap tahap kepuasan kerja.

Responden seramai 240 anggota telah diperolehi dan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil ujian korelasi dan regresi berganda menunjukkan bahawa kepuasan kerja mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pekerjaan sekarang, rakan sekerja, gaji, kenaikan pangkat dan penyeliaan. Tiga pembolehubah bebas iaitu kerja, gaji dan penyeliaan menyumbangkan kepada kepuasan kerja. Ketiga-tiga pembolehubah tersebut adalah berkait secara positif dan signifikan dengan kepuasan kerja. Manakala dua pembolehubah lagi, iaitu rakan dan pangkat adalah tidak berkait secara signifikan dengan pembolehubah bersandar. Pekali regresi kerja adalah paling tinggi, iaitu .141. Ini menunjukkan bahawa pekali regresi di populasi dari mana sampel diperolehi adalah positif ( $t = 3.996$ ;  $p < .05$ ). Nilai Beta menunjukkan bahawa pekali korelasi bagi kerja adalah yang paling tinggi dan rakan yang paling rendah.